

**MAJLIS PELANCARAN PELAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN SEKOLAH
PEDALAMAN SABAH DAN SARAWAK KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
18/04/2013**

PENTAS RAKYAT, PEKAN KECIL PAITAN BELURAN, SABAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah dan KurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak, Kementerian Pelajaran Malaysia, di Pekan Kecil Paitan, Daerah Beluran, Sabah.

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah di bawah kepimpinan Ketua Menteri iaitu YAB Dato' Seri Musa bin Aman dan semua Jawatankuasa Pengelola yang bertungkus lumus menjalankan tugas yang diamanahkan bagi memastikan majlis pada hari ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

3. Pembangunan generasi yang cemerlang, berilmu pengetahuan, berkemahiran dan memiliki sahsiah yang tinggi merupakan agenda penting negara. Oleh kerana itu, Kerajaan tidak hanya menumpukan kepada kelompok tertentu sahaja, tetapi merangkumi seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, etnik, agama dan bangsa.

4. Langkah Kerajaan mentransformasi-kan pendidikan ke arah yang lebih berkualiti bertujuan untuk melahirkan modal insan cemerlang, yang sentiasa mengamalkan nilai moral serta etika yang tinggi dan mampu memenuhi kehendak pasaran. Justeru, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang diperkenalkan dan telahpun bermula pada tahun ini sehingga 2025, adalah proses transformasi di bawah 1Agenda pendidikan negara demi memastikan pembangunan modal insan negara dapat dibangunkan selaras dengan kehendak dan keperluan semasa.

5. Dalam memastikan matlamat ini dapat dicapai, PPPM melalui Anjakan 6 telah menggariskan bahawa semua sekolah di seluruh negara akan dipastikan dilengkapi keperluan infrastruktur asas menjelang 2015, bermula dengan Sabah dan Sarawak.

6. Ini bermakna setiap sekolah di Malaysia tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis akan dipastikan mencapai tahap keperluan infrastruktur asas yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang selamat, bersih dan kondusif. Keperluan ini termasuklah akses kepada air yang bersih, bekalan elektrik sekurang-kurangnya 12 jam sehari, kemudahan bilik air, bilik darjah, meja, kerusi yang mencukupi untuk murid dan ruang kerja yang selesa untuk guru.

7. Saya yakin, jika proses ini dapat berjalan lancar dengan sokongan padu semua pihak, ditambah pula dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan sempurna, prestasi murid dan sekolah di seluruh negara termasuk di pedalaman Sabah dan Sarawak, mampu dilonjakkan ke tahap yang lebih baik dan cemerlang.

Tuan / Puan yang dikasihi sekalian,

8. KPM sebenarnya telah pun merangka satu paradigma perubahan pendidikan yang menyeluruh, dengan memberi penekanan kepada faktor-faktor yang telah dikenal pasti boleh menyumbang kepada peningkatan kecemerlangan pendidikan iaitu guru, murid, ibubapa dan komuniti serta infrastruktur. Justeru, melalui Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak, tujuh (7) teras utama telah digariskan untuk meningkatkan lagi prestasi pencapaian pendidikan ke tahap yang menjadi lebih baik.

9. TERAS PERTAMA adalah meningkatkan kualiti kepimpinan dan kemahiran mengurus di semua peringkat terutamanya di Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan sekolah. Usaha ini telahpun dimulakan pada tahun ini melalui Anjakan Ke-8 PPPM iaitu mentransformasi kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian di semua peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia.

10. TERAS KEDUA pula akan memberikan tumpuan kepada isu yang berkaitan kurikulum, penyusunan pengajaran, pendekatan pedagogi dan penilaian pengajaran. Langkah ini bertujuan untuk memastikan murid-murid pedalaman dapat mencapai prestasi akademik yang cemerlang setanding dengan murid di kawasan bandar.

11. TERAS KETIGA, meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal, akses internet dan persekitaran pembelajaran maya. Sekolah dan asrama akan dilengkapi dengan kemudahan capaian internet sekurang-kurangnya 2Mbps serta kemudahan radio amatir bagi membolehkan murid dan guru memanfaatkan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

12. TERAS KEEMPAT pula, kualiti murid dan prasekolah akan terus ditingkatkan dengan harapan semua murid mampu meningkatkan diri sendiri untuk belajar dan boleh berjaya. Oleh itu, pendekatan membangunkan sekolah K9 di Sabah dan Sarawak akan terus diperluaskan bagi menjamin kesinambungan pendidikan murid di peringkat rendah ke peringkat menengah dapat dilaksanakan.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

13. TERAS KELIMA akan memastikan kualiti dan kebajikan guru terjamin. Bersesuaian dengan konsep rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan, keperluan dan kebajikan guru-guru yang mengajar di kawasan-kawasan pedalaman akan terus dibela. Rumah guru sedia ada akan dinaiktaraf atau ditambah mengikut keperluan dan ditentukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bersama Kementerian, khusus di kawasan pedalaman 2 dan pedalaman 3. Ini adalah untuk memastikan guru-guru sebagai peneraju utama sistem pendidikan memperoleh kediaman yang selesa dan kondusif. Selain itu, usaha ini juga diharapkan dapat meningkatkan lagi motivasi dan kualiti hidup guru.

Tuan / Puan yang dihormati,

14. TERAS KEENAM pula adalah untuk meningkatkan kemudahan asrama yang kondusif serta teraputik. Oleh itu, asrama sedia ada akan dinaiktaraf atau ditambah bilangannya mengikut keperluan bagi memastikan asrama tersebut berupaya menampung keperluan murid. Selain itu, rumah transit atau bilik tamu bagi ibubapa bermalam juga akan disediakan bagi memudahkan mereka berurusan dengan anak-anak. Sekolah-sekolah pedalaman yang akan menerima kemudahan ini akan ditentukan oleh JPN bersama Kementerian, supaya ianya dapat dioptimumkan penggunaannya berasaskan keperluan sebenar murid di kawasan terlibat.

15. Di bawah TERAS KETUJUH ekosistem pembelajaran akan dibentuk bagi membina jaringan yang harmonis dengan masyarakat setempat dan rakan sinergi, di mana usahasama antara masyarakat setempat dan sekolah di kawasan tersebut akan dipertingkatkan. Oleh itu, penglibatan, penyertaan dan dokongan semua pihak amatlah diperlukan bagi memastikan anak-anak berjaya dalam pendidikan mereka. Saya juga menyeru agar semua pihak terutama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) memainkan peranan yang aktif, manakala pemimpin setempat menjadi pendorong kepada kejayaan pelajaran anak-anak.

Tuan / Puan yang di hormati sekalian,

16. Pelan ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada PPPM (2013 – 2025) yang telah dirancang untuk dilaksanakan secara berperingkat, dengan memberi fokus dan penekanan kepada penyediaan infrastruktur asas yang sebaik mungkin kepada semua sekolah. Pendekatan memperluaskan sekolah K9 di beberapa buah sekolah yang terpilih adalah bertujuan untuk menangani masalah keciciran murid dari peringkat rendah ke peringkat menengah, penyediaan kemudahan asrama kepada murid agar memudahkan pergerakan murid ke sekolah, dan keperluan rumah guru yang mendesak khususnya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

17. Justeru, bagi memastikan Pelan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, maka ianya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun ini sehingga tahun 2015. Sebagai permulaan (Fasa 1) pada tahun ini, enam (6) buah sekolah terpilih di pedalaman Sabah dan tiga (3) buah sekolah di pedalaman Sarawak telah dipilih untuk dinaiktaraf atau ditambah baik mengikut keperluan sebenar.

18. Fasa Kedua pula iaitu pada tahun 2014, sebanyak dua (2) buah sekolah di Sarawak dan lima (5) buah sekolah di Sabah. Manakala, Fasa Ke-3 pula iaitu pada tahun 2015 sebanyak sebuah sekolah di Sarawak dan tiga (3) buah sekolah di Sabah akan terlibat dalam pelan transformasi ini.

Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

19. Pendekatan memperluaskan Sekolah Model Khas Komprehensif K9 adalah untuk memastikan kemudahan persekolahan kepada murid-murid selama 9 tahun di sekolah yang sama tanpa perlu ke sekolah yang lain. Murid-murid akan diberikan kemudahan dan pendidikan yang setanding dengan sekolah di bandar dari Tahun Satu hinggalah ke Tingkatan Tiga. Ini akan memastikan mereka setidak-tidaknya dapat menamatkan pelajaran di Tingkatan Tiga sebelum ke

sekolah lain di kawasan bandar.

20. Program Sekolah K9 ini telahpun dilaksanakan di sekolah terpilih iaitu SK Bandar 2, Paloh Hinai, Pekan, Pahang dan SK Long Bedian, Baram, Sarawak. Berdasarkan kepada rekod Kementerian, peratus kehadiran murid berjaya ditingkatkan dari 70 peratus kepada 97 peratus pada tahun 2012 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

21. Oleh kerana itu, KPM telahpun membuat keputusan agar program ini dapat diteruskan di beberapa sekolah terpilih bagi memastikan anak-anak kita terutama di kawasan pedalaman tidak ketinggalan mendapat akses pendidikan yang berkualiti. Justeru, untuk tahun 2013, KPM telah mengenalpasti SK Pekan Pensiangan, Daerah Nabawan, SK Bawang, Daerah Beluran, dan SK Long Lamei, Daerah Baram, untuk dinaik taraf sebagai sekolah K9, yang dijangka mula untuk beroperasi sepenuhnya pada sesi persekolahan tahun 2014. Manakala sekolah-sekolah lain yang terpilih sebagai K9 akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2014 dan 2015. Bagi sekolah tidak terpilih sebagai K9, kemudahan-kemudahan lain yang bersesuaian seperti asrama dan rumah guru akan disediakan agar persekitaran yang kondusif dan selesa dapat diwujudkan.

Tuan / Puan yang dihormati,

22. Kerajaan Barisan Nasional sememangnya amat prihatin dan memandang serius terhadap pembangunan pendidikan negara dan sentiasa melaksanakan pelbagai penambahbaikan yang berterusan. Dalam masa yang sama, semua program serta aktiviti yang sedang berlangsung sekarang akan diteruskan dan dipantau sebaik mungkin untuk memastikan ianya dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

23. Saya yakin dengan usaha yang dilaksanakan ini, matlamat untuk melahirkan modal insan yang lebih cemerlang, harmoni, bersatu padu serta bersedia menghadapi masa dengan yang lebih mencabar akan dapat direalisasikan. Saya juga berharap melalui pendekatan yang dilakukan ini, tiada mana-mana pihak atau kanak-kanak di negara ini yang akan terlepas peluang untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik dan berkualiti.

24. Malah, saya juga berharap agar guru-guru, ibu bapa, masyarakat setempat dan seluruh rakyat, terutamanya di hadapan saya hari ini akan berdiri teguh dan terus menyokong kerajaan untuk memastikan kelangsungan dan kecemerlangan pendidikan di negara kita terus dipertingkatkan.

25. Akhir sekali, dengan lafaz Bismillahi-Rahmannir-Rahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.